

BH - 1/4/2004, m/s: 2.

PM ingatkan tunai janji manifesto

Oleh ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 31 Mac — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengingatkan anggota Kabinetnya yang baru supaya bekerja dengan penuh amanah dan tanggungjawab bagi menunaikan segala janji yang telah digariskan dalam manifesto pilihan raya Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri turut memberi amaran kepada Jemaah Menteri bahawa beliau tidak akan bertolak ansur bagi memastikan setiap anggota Kabinetnya bersih dan bebas dari sebarang salah laku atau gejala rasuah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid berkata, Perdana Menteri dalam amanat mesyuarat Kabinet baru yang pertama hari ini menyuarakan kehendaknya supaya anggota pentadbirannya menunaikan tugas dengan penuh amanah serta bertanggungjawab.

“Dalam pilihan raya lalu, kita telah menggariskan manifesto BN, jadi Perdana Menteri mahu bukan sahaja anggota Kabinet tetapi juga semua anggota BN mengkaji manifesto itu dengan mendalam dan melihatnya sebaik mungkin.

“Perdana Menteri memberi satu lagi, bukan amaran, tetapi arahan tentang rasuah (kerana) beliau mahu kerajaan ini bersih dari rasuah.

“Beliau menyatakan akan bersama-sama sesiapa sahaja anggota kerajaan yang membuat kerja dengan betul, walaupun silap tetapi bukan dengan tujuan atau mlatamat yang tertentu maka dia akan bersama-sama (mempertahankan) mereka.

“Tetapi bagi mereka yang melakukan sesuatu yang tidak benar atau betul, Perdana Menteri kata dia tidak akan bersama-sama mereka,” tegasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas tamat mesyuarat pertama Kabinet baru yang dipe-

ngurusikan oleh Abdullah di Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Mesyuarat yang bermula pada pukul 10.20 pagi dan berakhir hampir tiga jam kemudiannya itu dihadiri oleh semua 33 menteri termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sabtu lalu, Abdullah mengumumkan barisan anggota menternya yang diperbesarkan berikutan kejayaan BN mencapai kemenangan besar dengan menguasai 198 daripada 219 kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum ke-11 lalu.

Menurut Azmi, Kod Etika yang diperketatkan telah diedarkan kepada semua menteri untuk dijadikan panduan bagi membolehkan mereka mengelakkan perkara-perkara tertentu dalam menjalankan tugas masing-masing.

“Memang Kod Etika itu sudah ada, cuma ia ditambah di situ sini untuk diperketatkan dan ia sekarang akan diedarkan bukan sahaja

kepada ahli-ahli Kabinet tetapi juga kepada semua anggota kerajaan, semua ahli Parlimen serta diperturunkan kepada ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

“Ini adalah Kod Etika bagi mereka yang mewakili kerajaan,” tegas beliau.

Tambahnya, kod itu juga akan memastikan sistem penyampaian dapat dipermudah dan tidak menyusahkan rakyat selain membantu mengurangkan kerenah birokrasi dan kos mengendalikan perniagaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Jamaludin Mohd. Jarjis pula berkata, Perdana Menteri telah mengingatkan ahli-ahli Kabinet supaya menunaikan amanah dengan gigih berpandukan manifesto BN.

“Beliau hendak kita berusaha gigih, turun ke bawah, tidak mengabaikan tugas yang telah diberikan dan mengarahkan kita melaksanakannya berpandukan kepada mani-

festu yang telah dijadikan manifesto BN,” katanya.

Pandangannya itu disokong oleh Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang menyatakan bahawa Abdullah mengingatkan para menteri supaya sentiasa mengingati janji mereka dalam manifesto BN.

“Ini bermakna Kerajaan BN memang berazam untuk menunaikan semua janji-janji kita, bukan sahaja di peringkat Persekutuan tetapi juga manifesto BN Terengganu,” katanya.

Abdul Kadir berkata, perbincangan yang agak teliti turut dibuat mengenai Kod Etika bagi memastikan semua ahli pentadbiran menjalankan tugas dengan penuh amanah.

“Kita diberitahu supaya bekerja dengan penuh amanah, pastikan perniagaan tidak ada konflik kepentingan supaya kita dapat mewujudkan kerajaan yang bersih, amanah dan cekap serta memperlihatkan

kan imej yang benar-benar bersih,” ujar beliau.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar pula berkata, Perdana Menteri mengingatkan para menteri supaya menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh serta memenuhi janji semasa pilihan raya.

“Saya fikir mesyuarat ini adalah untuk mengingatkan tugas, amanah dan tanggungjawab kita (kerana) ia akan menentukan kerajaan menjadi kukuh dan kuat,” ujarnya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed berkata, Abdullah telah memberikan banyak pesanan berguna kepada muka-muka baru dalam kabinetnya kali ini supaya menjaga nama baik dan kredibiliti kerajaan.

“Sudah tentu pesanan ini akan dapat membantu kami memastikan BN akan terus mendapat sokongan rakyat,” katanya.